

## Regulatory Compliance Statement (the “Statement”)

### 1. Disclosure of Information

The Group (“we”, “us” or “our”) needs to use and share client information to operate effectively including in connection with our provision of products and services to you and for the purposes of client servicing.

We will keep information provided by or relating to you confidential, except that we may disclose such information (i) to any Bank Member; (ii) to any Bank Member’s professional advisor, insurer, insurance broker or provider of services to facilitate the Group’s operations and provision of products and services across multiple countries (such as operational, administrative, data processing and technological service providers) who are under a duty of confidentiality; or (iii) as required by Law or any Authority.

“**Affiliate**” means, in relation to a company, any of its subsidiaries, holding companies or any other subsidiary of any such holding company and (where applicable) any representative and branch office in any jurisdiction.

“**Authority**” means, government, quasi-government, administrative, regulatory or supervisory body or authority or court or tribunal having jurisdiction over any Bank Member.

“**Bank Member**” means Standard Chartered PLC or any of its Affiliates and “**Group**” means all Bank Members.

“**Law**” means any law, regulation, rule, directive, order, request, guideline, sanction, embargo and restriction of or agreement with any Authority.

### 2. Privacy

To comply with applicable Laws and in the course of providing products and services to you, we will need to collect, hold, use and share Personal Information of your Data Subjects.

Our Privacy Statement (<https://www.sc.com/en/privacy-policy.html>) outlines how the Group processes Personal Information. You agree to make your Data Subjects aware of our Privacy Statement.

“**Data Subjects**” means all individuals whose Personal Information we receive in the course of our banking relationship with you, including your direct and indirect beneficial owners, directors, officers and authorized persons.

“**Personal Information**” means any information relating to Data Subjects.

### 3. Compliance with Laws and Financial Crime Compliance

The Group is committed to complying with Laws (including applicable financial crime compliance laws and regulations such as those related to anti money laundering, anti-bribery and corruption) in all jurisdictions in which the Group operates.

Where you have a Financial Markets relationship with the Group, information on the regulatory standards we adhere to and how it may affect you can be found on our website ([www.sc.com/rcs/fm](http://www.sc.com/rcs/fm)).

As the Group’s ability to comply with Laws is directly linked to the conduct of our clients, we require you to comply with all applicable Laws, and conduct your business in a manner which will not place yourself or the Group in breach of all applicable Laws.

If you become aware of any breach, or any action, investigation or proceeding brought against you or your subsidiaries with respect to any breach of any applicable Law in connection with our provision of products and services to you or matter set out in this Statement, you will notify us promptly (unless prohibited by Law to do so).

### 4. Sanctions

The Group is obliged to comply with sanctions Laws including those of the United States, European Union or any of its member states (“**Sanctions**”). Any breach of Sanctions may have a serious impact on our reputation, franchise, regulatory relationships and could impair the Group’s ability to provide products and services to and enter into transactions with clients.

As the Group’s ability to comply with Sanctions is directly linked to the conduct of our clients, you confirm and will ensure that (i) you and your subsidiaries are not targets or the subject of Sanctions; and (ii) no product, service or transaction (or proceeds of the same) involving a Bank Member has or will be utilised for the benefit of any person that is a target or subject of Sanctions or in any manner that would result in you or your subsidiaries or any Bank Member being in breach of any applicable Sanctions or becoming a target or subject of Sanctions. We reserve the right to not provide any product or service or process any transaction if by doing so it may cause us to breach the Group’s Sanctions policy.

### 5. Tax Information Compliance

The Group has obligations under various tax information reporting Laws (such as the Foreign Account Tax Compliance Act) to collect information from our clients, report information to Authorities and withhold tax from payments to clients in certain circumstances.

We may require you or your Data Subjects to provide documents and information for the purposes of establishing your tax status and that of your Data Subjects. You will promptly inform us of any changes to such documents and information or change in circumstances that may indicate a change in your tax status or that of your Data Subjects.

If you or your Data Subjects do not provide documents or information when we request it, we may make our own decision about your tax status and treat you accordingly.

We may be required to withhold taxes from payments made to you for onward remittance to applicable Authorities.

## 6. Client Classification

From time to time, we may request and obtain information from you and/or third-party or public sources, to determine your regulatory classifications (or that of the funds that you manage) under applicable Laws. These classifications will be notified to you and used by us to comply with our obligations including reporting, business conduct, margin and collateral, and other requirements under applicable Laws.

You will inform us immediately and in any event prior to entering into any transaction with us if any regulatory classification that we have previously notified you of or information (including contact details) that we have about you and/or the funds that you manage is known by you to be inaccurate or incomplete. Unless we receive notification otherwise, you shall be deemed to have (i) confirmed such regulatory classifications and that the information that we have about you and/or the funds that you manage is complete and accurate; and (ii) agreed and consented to the Group reporting your derivative transactions with us to any Authority (including trade repository(ies)).

## 7. Provision of Information

You agree to (or will procure that your Affiliates and Data Subjects) provide such documents and information as we may reasonably request in relation to matters covered by this Statement. You will promptly inform us of any changes to documents and information provided to us so that they are up to date, accurate and complete.

## 8. No Breach

We are not obliged to do anything or omit to do anything if by doing so it would or might cause us to breach any applicable Law.

## 9. Termination and Suspension

We may suspend a transaction or service or terminate a transaction, service or our relationship with you if (i) you breach any applicable Law or any matter set out in this Statement or (ii) by executing the transaction, providing the service or continuing our relationship with you, it will cause us to breach any applicable Law.

## 10. Product Documents

This Statement shall form part of any specific legal documentation governing a product, service or transaction that you have or may enter into with us ("**Product Documents**").

The relevant terms of such Product Documents will prevail to the extent they are in addition to or inconsistent with this Statement.

## 11. Language

This Statement has been written in Bahasa Malaysia and English. In the event of any inconsistency, the version in the language that you choose shall prevail.

## 12. Availability and Updates

The most current version of this Statement (including translations) is available on our website ([www.sc.com/en/rcs/](http://www.sc.com/en/rcs/)).

We reserve the right to amend this Statement from time to time and will make such updates available to you including, without limitation, by way of letter, email or on our website ([www.sc.com/en/rcs/](http://www.sc.com/en/rcs/)). These updates shall apply to our relationship going forward and automatically.

## Penyata Pematuhan Kawal Selia (“Penyata”)

### 1. Pendedahan Maklumat

Kumpulan (“kami”) perlu menggunakan dan berkongsi maklumat pelanggan untuk beroperasi secara efektif termasuk yang berkaitan dengan penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda dan bagi maksud perkhidmatan pelanggan.

Kami akan menyimpan maklumat yang diberikan oleh atau berkaitan dengan anda secara sulit, kecuali bahawa kami mungkin mendedahkan apa-apa maklumat (i) kepada mana-mana Ahli Bank; (ii) kepada penasihat profesional, penanggung insurans, broker insurans mana-mana Ahli Bank atau pembekal perkhidmatan bagi memudahkan operasi Kumpulan dan penyediaan produk dan perkhidmatan di beberapa negara (seperti pengendalian, pentadbiran, pemrosesan data dan pembekal perkhidmatan teknologi) yang berada di bawah suatu kewajipan kerahsiaan; atau (iii) seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang atau mana-mana Pihak Berkuasa.

“**Gabungan**” bermaksud, berhubung dengan suatu syarikat, mana-mana anak syarikatnya, syarikat induk atau mana-mana anak syarikat lain mana-mana syarikat induk tersebut dan (jika berkenaan) mana-mana wakil dan pejabat cawangan dalam mana-mana bidang kuasa.

“**Pihak Berkuasa**” bermaksud, kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan kawal selia atau pengawasan atau pihak berkuasa atau mahkamah atau tribunal yang mempunyai bidang kuasa ke atas mana-mana Ahli Bank.

“**Ahli Bank**” bermaksud Standard Chartered PLC atau mana-mana Gabungannya dan “**Kumpulan**” bermaksud semua Ahli Bank.

“**Undang-undang**” bermaksud mana-mana undang-undang, peraturan, kaedah, arahan, perintah, permintaan, garis panduan, isbat, embargo dan sekatan berkenaan atau perjanjian dengan mana-mana Pihak Berkuasa.

### 2. Privasi

Bagi mematuhi Undang-undang terpakai dan dalam proses menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, kami perlu mengumpul, memegang, menggunakan dan berkongsi Maklumat Peribadi Subjek Data anda.

Kenyataan Privasi kami (<https://www.sc.com/en/privacy-policy.html>) menggariskan bagaimana Kumpulan memproses Maklumat Peribadi. Anda bersetuju untuk membuat Subjek Data anda sedar mengenai Kenyataan Privasi kami.

“**Subjek Data**” bermaksud semua individu di mana Maklumat Peribadi mereka diterima oleh kami dalam urusan hubungan perbankan kami dengan anda, termasuk pemilik benefisial langsung dan tidak langsung anda, pengarah, pegawai dan orang dibenarkan.

“**Maklumat Peribadi**” bermaksud apa-apa maklumat yang berhubung dengan Subjek Data.

### 3. Pematuhan Undang-undang dan Pematuhan Jenayah Kewangan

Kumpulan komited untuk mematuhi Undang-undang (termasuk undang-undang pematuhan jenayah kewangan yang terpakai dan peraturan yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, anti-rasuah dan rasuah) dalam semua bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi.

Di mana anda ada perhubungan Pasaran Kewangan dengan Kumpulan, maklumat mengenai piawaian pengawalseliaan yang kami perlu patuhi dan bagaimana ini ada kemungkinan untuk melibatkan atau mempengaruhi urusan anda boleh dijumpai di laman kami ([www.sc.com/racs/fm](http://www.sc.com/racs/fm)).

Memandangkan kemampuan Kumpulan untuk mematuhi Undang-undang secara langsung dikaitkan dengan perlakuan pelanggan kami, kami menghendaki anda untuk mematuhi semua Undang-undang terpakai, dan menjalankan perniagaan anda dengan cara yang tidak akan meletakkan diri anda atau Kumpulan dalam kedudukan melanggar semua Undang-undang terpakai.

Jika anda menyedari apa-apa pelanggaran, atau apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding yang dibawa terhadap anda atau anak syarikat anda mengenai apa-apa pelanggaran mana-mana undang-undang yang terpakai berhubung dengan penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda atau perkara yang dinyatakan dalam Penyata ini, anda akan memaklumkan kepada kami dengan segera (melainkan dilarang oleh Undang-undang untuk berbuat demikian).

### 4. Isbat

Kumpulan bertanggungjawab untuk mematuhi Undang-undang isbat termasuk yang dari Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah atau mana-mana negara anggotanya (“**Isbat**”). Mana-mana pelanggaran Isbat boleh memberi kesan serius kepada reputasi, francais, hubungan pengawalseliaan kami dan boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kepada dan menjalankan urus niaga dengan pelanggan.

Memandangkan kemampuan Kumpulan untuk mematuhi Isbat secara langsung dikaitkan dengan perlakuan pelanggan kami, anda mengesahkan dan akan memastikan bahawa (i) anda dan anak syarikat anda bukanlah sasaran atau subjek Isbat; dan (ii) tiada produk, perkhidmatan atau urus niaga (atau hasil yang sama) yang melibatkan Ahli Bank telah atau akan digunakan untuk manfaat mana-mana orang yang merupakan sasaran atau subjek Isbat atau dalam apa-apa cara yang akan menyebabkan anda atau anak syarikat anda atau mana-mana Ahli Bank melanggar mana-mana Isbat

terpakai atau menjadi sasaran atau subjek Isbat. Kami berhak untuk tidak menyediakan apa-apa produk atau perkhidmatan atau memproses apa-apa urus niaga jika dengan berbuat demikian ia boleh menyebabkan kami melanggar dasar Isbat Kumpulan.

## 5. Pematuhan Maklumat Cukai

Kumpulan mempunyai obligasi di bawah pelbagai Undang-undang laporan maklumat cukai (seperti Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) untuk mengumpul maklumat daripada pelanggan kami, melaporkan maklumat kepada Pihak Berkuasa dan menahan cukai daripada pembayaran kepada pelanggan dalam keadaan tertentu.

Kami mungkin menghendaki anda atau Subjek Data anda untuk memberikan dokumen dan maklumat bagi maksud menentukan status cukai anda dan Subjek Data anda. Anda akan segera memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada dokumen dan maklumat atau perubahan dalam keadaan yang boleh menandakan perubahan dalam status cukai anda atau Subjek Data anda.

Jika anda atau Subjek Data anda tidak memberikan dokumen atau maklumat apabila diminta oleh kami, kami boleh membuat keputusan sendiri tentang status cukai anda dan melayan anda dengan sewajarnya.

Kami mungkin dikehendaki untuk menahan cukai daripada pembayaran yang dibuat kepada anda untuk kiriman wang ke hadapan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan.

## 6. Klasifikasi Pelanggan

Dari semasa ke semasa, kami boleh meminta dan mendapatkan maklumat daripada anda dan/atau pihak ketiga atau sumber awam, untuk menentukan klasifikasi kawal selia anda (atau berkenaan dana yang anda uruskan) di bawah Undang-undang terpakai. Klasifikasi ini akan dimaklumkan kepada anda dan digunakan oleh kami untuk mematuhi obligasi kami termasuk laporan, tatacara perniagaan, margin dan kolateral, dan keperluan lain di bawah Undang-undang terpakai.

Anda akan memaklumkan kepada kami dengan segera dan dalam apa jua keadaan sebelum membuat apa-apa urus niaga dengan kami sekiranya apa-apa klasifikasi kawal selia yang pernah kami maklumkan kepada anda atau maklumat (termasuk butiran menghubungi) yang kami miliki mengenai anda dan/atau dana yang anda uruskan adalah diketahui oleh anda sebagai tidak tepat atau tidak lengkap. Melainkan kami menerima maklumat yang sebaliknya, anda akan dianggap telah (i) mengesahkan klasifikasi kawal selia tersebut dan bahawa maklumat yang kami miliki mengenai anda dan/atau dana yang anda uruskan adalah lengkap dan tepat; dan (ii) bersetuju dan mengizinkan Kumpulan melaporkan urus niaga derivatif anda dengan kami kepada mana-mana Pihak Berkuasa (termasuk repositori dagangan).

## 7. Peruntukan Maklumat

Anda bersetuju untuk (atau memastikan bahawa Gabungan dan Subjek Data anda) memberikan dokumen dan maklumat seperti yang kami minta secara munasabah berhubung dengan perkara yang diliputi oleh Penyata ini. Anda akan segera memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada dokumen dan maklumat yang diberikan kepada kami supaya ia adalah terkini, tepat dan lengkap.

## 8. Tiada Pelanggaran

Kami tidak diwajibkan untuk melakukan apa-apa atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa jika dengan berbuat demikian ia akan atau mungkin menyebabkan kami melanggar mana-mana Undang-undang terpakai.

## 9. Penamatan dan Penggantungan

Kami boleh menggantung urus niaga atau perkhidmatan atau menamatkan suatu urus niaga, perkhidmatan atau perhubungan kami dengan anda jika (i) anda melanggar mana-mana Undang-undang terpakai atau apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Penyata ini atau (ii) dengan melaksanakan urus niaga, memberikan perkhidmatan atau meneruskan perhubungan kami dengan anda, ia akan menyebabkan kami melanggar mana-mana Undang-undang terpakai.

## 10. Dokumen Produk

Penyata ini hendaklah menjadi sebahagian daripada apa-apa dokumentasi undang-undang khusus yang mengawal produk, perkhidmatan atau urus niaga yang anda telah atau boleh laksanakan dengan kami ("**Dokumen Produk**").

Terma yang berkaitan Dokumen Produk tersebut akan terpakai setakat mana ia adalah sebagai tambahan kepada atau tidak selaras dengan Penyata ini.

## 11. Bahasa

Penyata ini telah ditulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jika terdapat apa-apa percanggahan, versi dalam bahasa yang anda pilih akan terpakai.

## 12. Ketersediaan dan Kemas kini

Versi terkini Penyata ini (termasuk terjemahan) tersedia ada di laman web kami ([www.sc.com/en/rcs/](http://www.sc.com/en/rcs/)).

Kami berhak meminda Penyata ini dari semasa ke semasa dan akan membuat kemas kini tersebut disediakan kepada anda termasuk, tanpa had, melalui surat, e-mel atau di laman web kami ([www.sc.com/en/rcs/](http://www.sc.com/en/rcs/)). Kemas kini ini terpakai bagi perhubungan kita pada masa hadapan dan secara automatik.